



**DCC5191  
CIVIL ENGINEERING PROJECT 1**

**PENYELIA PROJEK:  
PUAN ISMA AFIZA BT ISMAIL  
PUAN YUSNITA BT YUSOF**

**CLASS: DKA5A**

**TAJUK PROJEK:  
*ASSEMBLED SAND SCREENING FILTER***

NAME	MATRIC.NO
MUHAMMAD SYAZA REZZA BIN MOHD NOOR	08DKA17F2001
NOR MARFIRAH BINTI ABDULLAH	08DKA17F2007
MUHAMMAD YAZID BIN ARAZAMI	08DKA17F2020
MOHAMMAD NUR AKMAL BIN MAT SAIRI	08DKA17F2025

## SENARAI KANDUNGAN

BAB	TAJUK	MUKA SURAT
	Kandungan	i
	Kandungan rajah	ii
	Kandungan jadual	iii
	Pembahagian tugas	vi - vii
1	Pengenalan	
	1.1 Pengenalan	2 - 3
	1.2 Pernyataan masalah	3
	1.3 Objektif	3
	1.4 Skop kajian	3 - 4
	1.5 Kepentingan projek	4
2	KAJIAN LITERATUR	
	2.1 Pengenalan	5
	2.2 Ayakan pasir	5 - 6
	2.3 Kajian spesifikasi reka bentuk pengayak pasir di pasaran	
	2.3.1 Ayakan pasir manual	6 - 8
	2.3.2 Mesin pengayak pasir	
	2.3.3 Mesin ayakan pasir bermotor	
	2.4 KAJIAN KOMPONEN YANG DIGUNAKAN	8 - 11
	2.4.1 Keluli	
	2.4.2 Jaring	

- 2.4.3 Besi plat
- 2.4.2 Pengertian cat

2.5 Kesimpulan	11
2.6 Rujukan	12
3 METODOLOGI KAJIAN	
3.1 Pengenalan	12
3.2 Carta alir	13
3.3 Carta alir projek 1	14
3.4 Prosedur pelaksanaan projek 1	15
3.5 Carta gantt projek 1	16
3.6 Carta alir projek 2	17
3.7 Prosedur pelaksanaan projek 2	18
3.8 Carta gantt projek 2	19
3.9 Penerangan carta alir untuk plan projek	20
3.10 Reka bentuk	20 - 22
3.11 Peralatan dan Bahan	23 – 24
3.12 Peralatan keselamatan yang digunakan	25 - 27
3.12.1 Sarung tangan kimpalan	
3.12.2 Pelindung kepala	
3.12.3 Kasut keselamatan	
3.12.4 Pelindung mata	
3.13 Bahan projek	27 - 28

3.13.1	Penyembur warna	
3.13.2	Kos bahan projek	
3.14	Keluli lembut nerongga dan plat bar	29 – 30
3.14.1	Jaring	
3.14.2	Pelapik getah	
3.15	Proses membuat ' <i>Assambled Sand Screening Filter</i> '	
3.15.1	Proses pemotongan besi	
3.15.2	Proses mengimpal	
3.15.3	Proses melicinkan kesan kimpalan	30 - 33
3.15.4	Proses kemas	
3.15.5	Reka bentuk yang telah diinovasikan	
3.16	Pengumpulan data	
3.16.1	Demonstrasi produk	34 - 38
3.16.2	Soal selidik	
3.16.3	Teknik persampelan	
3.16.4	Kaedah analisis data	
3.16.5	Kesimpulan	
4	DAPATAN DAN ANALISIS DATA	
4.1	Pengenalan	39
4.2	Demografi Responden	40 - 42
4.3	Dapatan kajian	43
4.3.1	Ujian bertulis	44
4.3.2	Kebolehkerjaan	45 - 47
4.3.3	Reka bentuk	48 - 50
4.3.4	Keselamatan	51 - 52

4.3.5	Kebolehpasaran	52 - 54
4.3.6	Jumlah purata keseluruhan intrepretasi	54

## KANDUNGAN RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Ayakan pasir manual (Aisyah evelina, April 4, 2017)	7
2.2	Mesin pengayak pasir (Alibaba)	7
2.3	Ayakan pasir bermotor (Toko Mesin Usaha)	8
2.4	Keluli berongga berbentuk segi empat	9
2.5	Jaring <i>wire mesh</i>	10
2.6	Besi plat	10
2.7	Cat Jotun	11
3.1	Carta alir projek 1	14
3.2	Prosedur pelaksanaan projek 1	15
3.3	Carta alir projek 2	16

3.4	Prosedur pelaksanaan projek 2	17
3.5	Reka bentuk ' <i>Assembled Sand Screening Filter</i> '	22
3.6	Sarung tangan kimpalan	25
3.7	Pelindung kepala	26
3.8	Kasut keselamatan	26
3.9	Pelindung mata	27
3.10	Penyembur warna	27
3.11	<i>Hollow mild steel</i> dan plat bar	29
3.12	Jaring <i>wire mesh</i>	29
3.13	Pelapik getah	30
3.14	Proses pemotongan besi	31
3.15	Proses mengimpal besi	31
3.16	Proses melicinkan kesan kimpalan	32
3.17	Proses kemas	33
3.18	Reka bentuk ' <i>Assembled Sand Screening Filter</i> '	33
4.1	Bilangan kekerapan dan peratusan responden	41
4.2	Bilangan kekerapan dan peratusan bagi semester	41
4.3	Bilangan kekerapan dan peratusan umur responden	42
4.4	Bilangan kekerapan dan peratusan kelas responden	42

## JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
3.1	Carta gantt projek 1	16
3.2	Carta gantt projek 2	19
3.3	Dimensi ' <i>Assembled Sand Screening Filter</i> '	21
3.4	Peralatan dan bahan	23 - 24
3.5	Kos projek bahan	28
4.1	Interprerasi skor min skala likert empat min	43
4.2	Skor penilaian bagi setiap soalan kebolehkerjaan.	46
4.3	Skor penilaian bagi setiap soalan reka bentuk.	49
4.4	Skor penilaian bagi soalan keselamatan.	52
4.5	Skor penilaian soalan kebolehpasaran	53
4.6	Jumlah purata keseluruhan interprestasi	54
4.7	perbezaan antara pengayak pasir sedia ada dan Assembled Screening Sand Filter	55

## PEMBAHAGIAN TUGAS

NAMA	REZZA (F2001)	MAR (F2007)	YAZID (F2020)	AKMAL (F2025)
<b>TAJUK</b>				
<b>BAB 1 PENGENALAN</b>				
1.1 Latar Belakang Kajian		√		
1.2 Penyata Masalah				√
1.3 Objektif	√			
1.4 Skop Kajian	√			
1.5 Kepentingan Projek			√	
<b>BAB 2 KAJIAN LITERATURE</b>				
2.1 Pengenalan			√	
2.2 Ayakan Pasir			√	
2.3 Kajian Spesifikasi Reka Bentuk Pengayak pasir Di Pasaran.			√	
2.4 Kajian komponen yang akan digunakan				√



2.5 Kesimpulan				√
<b>BAB 3 METODOLOGI KAJIAN</b>				
3.1 Pengenalan		√		
3.2 Carta Alir		√		
3.3 Reka Bentuk		√	√	√
3.4 Insrumen Kajian		√		
3.5 Bahan Projek		√		
3.6 Proses Membuat Penapis Pasir	√	√	√	√
3.7 Pengumpulan Data	√	√	√	√
3.8 Teknik Persampelan	√			
3.9 Kaedah Analisis Data	√			
3.10 Kesimpulan		√		

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Latar Belakang Kajian**

Setiap produk yang dihasilkan adalah bertujuan untuk memenuhi kehendak objektif sebenar projek tersebut. Produk yang ingin dihasilkan juga perlu dipertingkatkan dari masa ke semasa mengikut kesesuaian penggunaannya. Memandangkan pelbagai masalah yang wujud ekoran daripada kerosakkan, masalah dari segi cara pengendaliannya dan penyimpanan projek tersebut, maka pelbagai jenis reka bentuk yang dihasilkan mengikut kehendak pengguna yang sentiasa dahagakan kemudian.

Antara masalah yang dianalisa di dalam Bengkel Bata Jabatan Kejuruteraan Awam ialah pelajar mengambil masa yang lama untuk mengayak pasir. Selain itu, proses untuk membawa keluar pengayak dan meletakkan pengayak ditempat yang sesuai adalah sukar. Hal ini kerana saiznya yang berat dan sukar untuk dibawa oleh pelajar. Bahan yang digunakan pada rangka pengayak tersebut adalah kayu yang kini sebahagiannya telah reput dan dari segi kekemasan pula tidak rapi. Sebagai contoh kelihatan paku yang masih terkeluar daripada permukaan kayu. Hal ini boleh mengakibatkan kecederaan kepada pelajar ketika menggunakan pengayak tersebut. Dalam pada itu, pelajar juga perlu

meratakan pasir di atas jaring kerana terdapat ketulan – ketulan pasir yang masih tidak diayak dengan sempurna. Ini menyukarkan lagi proses ayakan.

Berdasarkan masalah tersebut, maka tercetuslah idea untuk menghasilkan dan menginovasikan sebuah pengayak manual yang kurang menggunakan tenaga manusia. Pengayak ini dijangkakan dapat menjimatkan masa pelajar, memudahkan kerja, mengurangkan penggunaan ruang dan membantu pensyarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **1.2 Pernyataan Masalah**

Masalah yang timbul pada pengayak pasir yang sedia ada adalah struktur rangka yang kurang kukuh. Struktur rangka yang diperbuat daripada kayu tidak dapat tahan lama, mudah mereput dan juga patah. Selain daripada itu, pengayak pasir ini juga kurang efisien. Timbul pelbagai masalah apabila proses pengendalian ayakan pasir dijalankan kerana pengayak pasir tersebut sudah lama dan kurang keboleherjaan. Akhir sekali, jaring yang sudah koyak atau rosak sukar ditukar, kerana jaring telah dipasang terus kepada bahagian pengayak. Oleh disebabkan itu, pengayak tidak dapat digunakan lagi dan perlu digantikan dengan pengayak yang baru.

## **1.3 Objektif Kajian**

Objektif pelaksanaan kajian ini ialah:

- i. Menghasilkan *Assembled Sand Screening Filter* untuk memudahkan proses mengayak pasir.
- ii. Menjimatkan masa yang diambil semasa proses pengayak pasir.

- iii. Mereka bentuk alat *Assembled Sand Screening Filter*

#### **1.4 Skop Kajian**

Secara umumnya *Assembled Sand Screening Filter* merupakan sebuah peralatan yang digunakan untuk mengasingkan batu baur halus daripada bendasing mengikut skala yang ditetapkan. Selain itu, peralatan ini merupakan sebuah peralatan mudah alih dimana peralatan ini boleh dibawa kemana sahaja. Tambahan pula, peralatan tersebut amat mudah disimpan dimana setiap komponen pada peralatan tersebut boleh diasingkan kepada beberapa bahagian. Skop kajian ini meliputi kaedah teori, terutamanya pada aspek fungsi dan keselamatan. Antaranya ialah:

- i. Berat maksimum yang mampu ditampung 3kg pasir
- ii. Jenis pasir yang boleh ditapis adalah jenis pasir sungai
- iii. Saiz maksimum butiran pasir yang boleh melalui penapis tidak melebihi 5 mm.
- iv. Saiz penapis pasir yang digunakan haruslah tidak melebihi 5 mm.

#### **1.5 Kepentingan Projek**

Kepentingan projek ini ialah:

- i. Untuk menghasilkan pengayak pasir yang tahan lama.
- ii. Proses pengasingan dapat dijalankan dengan lebih cepat.
- iii. Reka bentuk yang mudah dibawa dari satu lokasi ke lokasi yang lain.

## **BAB 2**

### **KAJIAN LITERATURE**

#### **2.1 Pengenalan**

Dalam bab kajian literatur ini akan menerangkan serba sedikit berkenaan dengan maklumat-maklumat yang telah diperolehi dari laman sesawang, jurnal, pemerhatian serta pengalaman.

Jika dilihat dari aspek pengeluaran, mesin ayakan pasir mempunyai banyak jenis. Setiap jenis mempunyai kualiti tersendiri. Oleh itu, kebanyakan mesin ayakan pasir yang telah dibina menggunakan kaedah penggerak motor atau manual. Mesin ayakan penggerak motor jarang digunakan dalam pembinaan kecil kerana kosnya yang mahal. Manakala kaedah manual pula sering digunakan tetapi mempunyai masalah yang berbeza iaitu kaedahnya menggunakan masa yang lama bagi mengayak pasir kasar dan halus.

Hal ini demikian kerana, kaedah mekanikal yang dipilih sangat sesuai kerana tidak menggunakan elektrik. Selain itu, kosnya yang murah dan dapat menjimatkan tenaga kerja.

## **2.2 Ayakan Pasir**

Pengayakan pasir merupakan satu operasi pemisahan dari berbagai ukuran pasir untuk dipisahkan kedalam dua atau tiga (*fraksi*) dengan menggunakan ayakan, *setiap (fraksi)* yang keluar dari ayakan mempunyai ukuran yang seragam. Tujuan dari proses pengayakan ini adalah:

- i. Mengasingkan butiran yang kasar dengan yang halus.
- ii. Untuk mendapatkan butiran pasir yang sesuai untuk digunakan
- iii. Mencegah bendasing dari memasuki ayakan tersebut

## **2.3 Kajian Spesifikasi Reka Bentuk Pengayak Pasir Di Pasaran.**

### **2.3.1 Ayakan Pasir Manual**

Ayakan pasir manual ialah peralatan yang digunakan oleh pekerja buruh binaan sebelum adanya mesin pengayak pasir. Peralatan ini juga merupakan permulaan bagi pekerja binaan yang ingin mengasingkan pasir halus dengan kasar. Selain itu, kos peralatan ini yang murah memudahkan pekerja ketika itu membinanya dan menyiapkannya sebelum mereka memulakan kerja binaan. Peralatan ini hanya menggunakan kayu yang kukuh dan dawai yang kuat sahaja. penggunaanya memerlukan dua atau tiga orang individu saling berhadapan.



Rajah 2.1: Ayakan pasir manual(Aisyah evelina, April 4, 2017)

### **2.3.2 Mesin Pengayak Pasir**

Mesin pengayak pasir diperbuat dengan menggunakan penggerak motor. Mesin pengayak pasir ini berfungsi dengan menghidupkan motor. Pasir yang dimasukkan kedalam hopper akan ayak. Setelah pasir di ayak, butiran pasir akan keluar melalui lubang hopper. Kehalusan pasir yang dihasilkan adalah tinggi. Kuantiti pasir yang besar yang boleh ditampung oleh pengayak ini.



Rajah 2.2 : Mesin pengayak pasir (Alibaba)

### 2.3.3 Mesin Ayakan Pasir Bermotor

Spesifikasi dari mesin ayakan pasir ini menggunakan kedudukan saluran U50 dan siku 50, Rangka screens saluran kotak dengan ketebalan 1.6 mm, Motor penggerak (*PK Single Phase, Gear Box MSA*) 60 1 : 60. Mesin ini memiliki kapasitas ayakan 30-40 m<sup>3</sup> per hari.



Rajah 2.3 : Ayakan pasir bermotor(Toko Mesin Usaha)

## 2.4 Kajian Komponen Yang Akan Digunakan


### 2.4.1 Keluli

Keluli merupakan logam yang sangat berharga yang diketahui oleh manusia. Ia merupakan logam yang paling banyak dan meluas digunakan. Penggunaan keluli sebagai struktur pembinaan dalam bidang kejuruteraan awam sangat luas. Popularitinya adalah disebabkan oleh kombinasi beberapa faktor seperti kekuatan yang tinggi, tahan lama, kemuluran baik, kekukuhanyang tinggi ( *high stiffness* ), agak murah jika diambil kira



tempoh pembinaannya yang cepat, saiznya yang pelbagai serta tidak rumit untuk pembinaan infrastruktur.


Keluli merupakan bahan utama yang akan digunakan, untuk membentuk *Assembled Sand Screening Filter*.



Rajah 2.4 : Keluli berongga berbentuk segi empat

#### **2.4.2 Jaring**

Jaring wire mesh yang digunakan bertujuan untuk menapis pasir yang halus. Ia juga digunakan bagi tujuan menapis komponen-komponan yang tidak digunakan yang masuk ke dalam pasir. Saiz yang akan digunakan 0.3 cm.



Rajah 2.5: Jaring *wire mesh*

### 2.4.3 Besi Plat

Untuk menghalang pasir terkeluar dari permukaan penapis semasa proses mengayak.



Rajah 2.6: Besi plat

#### 2.4.4 Pengertian Cat

Cat adalah cairan kental yang digunakan untuk melindungi permukaan suatu objek dengan cara melapisinya. Biasanya cat mempunyai warna atau bening, cat juga berfungsi untuk memperindah suatu objek. Cat digunakan untuk menghasilkan karya seni, *coating* (pelapisan), tanda jalan, mencegah karat dan air hujan. Bahan ini akan digunakan untuk menambah kemasam struktur tersebut.



Rajah 2.7: Cat Jotun

#### 2.5 Kesimpulan

Kajian literatur projek ini menunjukkan tentang sejarah mesin ayakan pasir, fungsi komponen ayakan pasir, tahap peningkatan mesin ayakan pasir dan inovasi untuk meningkatkan kemudahan mesin ayakan pasir. Seterusnya kajian literatur projek ini juga menunjukkan ciri-ciri yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan suatu keadah atau pendekatan tertentu.

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.1 Pengenalan

Mengikut carta alir, projek ini bermula dengan pengenalan semasa memberi taklimat kepada projek akhir tahun dan mendapat tajuk untuk projek akhir tahun. Kemudian mencari kajian literatur dan kemudian belajar dan membuat banyak penyiasatan dan kajian untuk mendapatkan lebih banyak informasi tentang proses pengayak pasir. Ini termasuk kajian tentang konsep proses untuk membuat pengayak pasir pasang siap dan bahan yang digunakan dari kajian literature yang dapat menghasilkan produk sendiri yang dipanggil sebagai *Assembled Sand Screening Filter*. Kemudian penjelasan yang lebih terperinci mengenai pelaksanaan projek ini.

Bab ini juga termasuk kos anggaran keseluruhan projek dan reka bentuk *Assembled Sand Screening Filter* yang dicadangkan dengan lukisan dan dimensi terperinci. Produk ini adalah inovasi berdasarkan pelajaran yang dipelajari di lain waktu untuk memperbaharui dan menambah beberapa idea kepada produk yang ada di pasaran. Projek ini dimanfaatkan untuk memudahkan, menyediakan keselesaan dan keperluan pengguna.


Tugas ini telah dilakukan melalui kajian di internet, tinjauan dan sumber lain. Seterusnya daripada maklumat yang dikumpulkan dan projek diteruskan dengan objektif yang dinyatakan. Ini adalah penting untuk mengetahui cara membuat dan menghasilkan projek – projek ini. Selain itu untuk mengetahui lebih lanjut mengenai reka bentuk dan pembangunan yang dilakukan. Projek ini diteruskan dengan proses reka bentuk, beberapa rekaan reka bentuk, pertimbangan reka bentuk telah di pilih. Lakaran terpilih dipindahkan ke lukisan terperinci dengan menggunakan

### **3.2 Carta Alir**

Carta alir adalah gambarajah yang mewakili suatu algoritma atau proses di mana ia ditunjukkan dalam pelbagai jenis kotak dan pesanan tertanam dengan anak panah. Rajah boleh membantu menyelesaikan masalah yang berlaku secara berturut-turut. Operasi proses diwakili dalam bentuk kotak dan anak panah yang menyambungkannya untuk mewakili aliran kawalan data. Selain itu, carta alir data juga diwakili dalam gambarajah carta alir. Carta alir telah digunakan dalam menganalisis, merekabentuk, mendokumentasikan atau menguruskan proses atau program dalam pelbagai bidang.


Merujuk rajah 3.1 di bawah adalah proses pelaksanaan projek yang dicadangkan untuk semester ini. Ia terdiri daripada mencari masalah, membina objektif berdasarkan isu-isu semasa dan menentukan skop untuk projek ini. Penyampaian pra-cadangan melibatkan beberapa perkara seperti pengenalan projek, skop, objektif, kajian literature, metodologi, lukisan dibantu komputer dan lain-lain. Selepas projek diluluskan atau diterima, pelaksanaan keupayaan projek seperti merancang proses pengeluaran projek. Kemudian, penerbitan laporan projek untuk menganalisis data yang terkandung dalam projek didokumenkan dalam laporan tersebut.

### 3.3 Carta Alir Projek 1




Rajah 3.1: Carta alir projek 1

### 3.4 Prosedur Pelaksanaan Projek 1



Rajah 3.2: Prosedur pelaksanaan projek 1


### 3.5 Carta Alir Projek 2



Rajah 3.3: Carta alir projek 2



### 3.6 Prosedur Pelaksanaan Projek 2



Rajah 3.4: Pelaksanaan prosedur projek 2

### **3.7 Penerangan Carta Alir Untuk Pelan Projek**

#### **3.7.1 Taklimat Tentang Projek Dengan Lebih Terperinci**

Perbincangan bersama penyelia bagi mendapat penapat mengenai butir-butir terperinci projek.

#### **3.7.2 Reka Bentuk Projek**

Bagi mendapat reka bentuk yang terbaik dalam bentuk mudah alih dan mudah diselenggara.

#### **3.7.3 Bahagian Mekanikal**

Mengikut pada proses mekanikal, pemotongan bahan proses kimpalan dan penyambungan bahagian utama.

#### **3.7.4 Pengujian Projek**


Untuk menguji kebolehfungsian projek dalam keadaan yang betul


#### **3.7.5 Keputusan Dibuat**

Kemasan akhir dan pemasangan bahagian projek

### 3.8 Reka Bentuk Kajian

Rajah 3.5 merupakan lakaran pertama yang diberi nama *Portable Sand Filter*. Pelbagai masalah yang timbul apabila menggunakan lakaran pertama ini. Antara masalah yang timbul adalah kaki pengayak tersebut tidak dapat stabil apabila proses ayakan pasir dijalankan. Seterusnya, pada rajah 3.6 menunjukkan tentang reka bentuk yang direka menggunakan aplikasi berbantuan komputer iaitu 'Autocad' untuk projek akhir pada kali ini. Berdasarkan reka bentuk akhir dibincangkan lakaran lukisan terperinci dilakukan agar dapat mengurangkan bilangan tenaga kerja disamping dapat mengurangkan kos dan menjimatkan penggunaan tenaga elektrik kerana hanya memerlukan tenaga manusia.






Rajah 3.5: Lakaran pertama( *Portable Sand Filter*

Jadual 3.3: Dimensi '*Assembled Sand Screening Filter*'

Bahagian Pada 'Assembled Sand Screening Filter'	Panjang x lebar (cm)
Rangka	142 cm x 80 cm
Tinggi kaki (menegak)	90 cm x 2 cm
Tinggi Kaki (condong)	90 cm
Pengayak	140 cm x 76 cm






Rajah 3.6: Reka bentuk akhir ‘*Assembled Sand Screening Filter*’

### 3.9 Peralatan dan Bahan

Peralatan memenuhi keperluan dalam proses membina projek ‘*Assembled Sand Screening Filter*’. Peralatan kerja ini dapat menjimatkan masa dan projek dapat disiapkan pada masa yang ditetapkan. Antara alatan yang digunakan seperti dalam jadual 3.4 di bawah:

Jadual 3.4: Peralatan dan Bahan

Peralatan	Kegunaan
 <p data-bbox="492 472 656 506">Mata Gerudi</p>	<p data-bbox="878 235 1425 373">Digunakan untuk menebuk lubang pada bahan kerja. Saiz mata gerudi yang digunakan adalah 0.5 mm</p>
 <p data-bbox="483 825 665 858">Pita Pengukur</p>	<p data-bbox="878 556 1425 642">Alat ini digunakan untuk mengukur sesuatu yang panjang.</p>
 <p data-bbox="529 1182 620 1215">Spanar</p>	<p data-bbox="878 913 1425 1052">Digunakan untuk mengetatkan bolt dan nat yang terdapat pada bahagian kaki dan rangka pengayak.</p>

 <p data-bbox="451 569 699 604">Mesin Kimpal Mig</p>	<p data-bbox="873 302 1425 499">Mesin ini digunakan untuk mencantumkan sesuatu bahan dengan bahan yang lain dengan menggunakan bahan khas seperti logam.</p>
 <p data-bbox="516 1031 634 1066">Sesiku L</p>	<p data-bbox="873 758 1425 842">Alat ini digunakan untuk mengukur sudut tepat 90°</p>
 <p data-bbox="483 1457 662 1493">Mesin Gerudi</p>	<p data-bbox="873 1115 1425 1199">Digunakan untuk menebuk lubang pada bahan kerja.</p>
	<p data-bbox="873 1541 1425 1738">Mesin ini digunakan untuk tujuan permotongan dan juga digunakan untuk meratakan permukaan yang telah dikimpal. Mata mesin ini Boleh ditukar</p>

Mesin Pencanai	untuk memotong atau untuk meratakan permukaan
----------------	---

### **3.10 Peralatan Keselamatan Yang Digunakan**

Alatan keselamatan adalah amat penting untuk memastikan keselamatan semasa menjalankan sesuatu projek di dalam bengkel. Penerangan tentang keselamatan juga penting bagi mengelak dari insiden tak di ingini berlaku.

#### **3.10.1 Sarung Tangan Kimpalan.**

Sarung tangan dapat melindungi tangan daripada melecur akibat kepanasan yang di hasilkan semasa proses kimpalan



Rajah 3.7: Sarung tangan kimpalan

#### **3.10.2 Pelindung Kepala**

Pelindung kepala amat penting bagi mengelakkan daripada sinaran UV terkena pada mata semasa proses kimpalan.





Rajah 3.8: Pelindung kepala

### 3.10.3 Kasut Keselamatan

Kasut keselamatan dapat melindungi kaki daripada perkara yang tidak diingini berlaku.



Rajah 3.9: Kasut keselamatan

### 3.10.4 Pelindung Mata

Pelindung mata digunakan untuk melindungi mata dan muka daripada terkena serpihan besi semasa proses mencanai dan penggerudian.



Rajah 3.10: Pelindung mata

### **3.11 Bahan Projek**

Bahan projek ialah apa-apa sahaja jenis, saiz dan sifat bahan. Bahan projek digunakan untuk tujuan kekemasan mahupun membina projek. Dalam kajian ini, bahan projek digunakan dalam proses kekemasan. Antara bahan yang digunakan dalam proses kekemasan seperti pada rajah 3.10:

#### **3.11.1 Penyembur Warna**

Digunakan dalam proses akhir kemas.



Rajah 3.11: Penyembur warna

### 3.11.2 Kos Bahan Projek

Kos projek merupakan perbelanjaan yang dibuat atau anggaran atau obligasi kewangan yang ditanggung atau dianggarkan bagi melakukan sesuatu projek sebagai kos kerja awam atau penambahbaikan, termasuk sebarang kos yang bersampingan dengannya.

Jadual 3.5: Kos Bahan Projek

Bil	BAHAN	KUANTITI	HARGA (RM)	JUMLAH (K × H)
1	<i>Rectangular Hollow Bar</i> (besar)	12	RM 10	RM 120
2	<i>Rectangular Hollow Bar</i> (kecik)	8	RM 5	RM 40
3	<i>Rectangular Hollow Bar</i> (Sederhanan)	1	RM 8	RM 8
4	<i>Flat Bar</i>	4	RM 5	RM 20
5	<i>Angle Bar</i>	4	RM 10	RM 40
6	<i>Bolt dan Nat</i>	4	RM 1	RM 4
7	Pelapik Getah	4	RM 2.5	RM 10
8	Skru	30	RM 0.2	RM 6
9	Jaring	1	RM 15	RM 15
10	cat	1	RM 12	RM 12
JUMLAH KESELURUHAN				RM 275

### 3.11.3 KOS SEWA KILANG DAN UPAH

Kos sewa kilang merupakan kos penggunaan mesin yang digunakan di kilang tersebut semasa proses pembuatan alatan Assemble Sand Screening Filter, Manakala kos upah, bantuan yang telah diberikan oleh orang yang membantu dalam pembuatan Assemble Sand Screening Filter

Jadual 3.6: Kos sewa kilang dan upah

KOS SEWA KILANG	RM 25
KOS UPAH	RM 50
KOS BAHAN	RM 275
<b>JUMLAH KESELURUHAN</b>	<b>RM 350</b>

### 3.12 Keluli Lembut Berongga Dan Plat Bar

Keluli lembut berongga digunakan untuk membuat bahagian rangka dan pengayak. Kami memilih keluli lembut berongga ini kerana keluli tersebut bersifat ringan dan mudah untuk dibawa. Manakala penggunaan plat bar adalah untuk menambahkan lagi ketahanan jaring apabila pasir yang di tuangkan dalam kuantiti yang banyak. Plat bar juga dapat menampung pasir supaya jaring tidak melendut.



Rajah 3.12: *Hollow mild steel* dan plat bar

#### 3.12.1 Jaring

Penggunaan jaring adalah bagi tujuan untuk mengasingkan pasir kasar dan halus. Jaring besi yang digunakan mestilah mempunyai saiz yang betul untuk mengasingkan pasir dengan betul. Selain itu juga penggunaan saiz jaring betul adalah penting bagi pengasingan pasir yang sempurna.



Rajah 3.13: Jaring *wire mesh*

### 3.12.2 Pelapik Getah

Penggunaan pelapik getah dibahagian kaki penapis pasir adalah untuk menstabilkan lagi keadaan penapis tersebut ketika proses menganyak dijalankan.



Rajah 3.14: Pelapik getah

### 3.13 Proses Membuat '*Assembled Sand Screening Filter*'

Proses membuat '*Assembled Sand Screening Filter*' perlu menjalani beberapa proses. Antara proses tersebut seperti:

- i. Proses pemotongan besi
- ii. Proses mengimpal
- iii. Proses melicinkan kesan kimpalan
- iv. Proses kemasan

### 3.13.1 Proses Pemotongan Besi

Proses pemotongan ialah proses untuk memotong besi *hollow* mengikut ukuran yang telah ditetapkan dalam lakaran untuk dijadikan sebagai rangka utama projek ini. Proses pemotongan ini menggunakan mesin pemotong. Dalam melakukan projek ini beberapa prinsip keselamatan perlu dipatuhi antaranya ialah memakai penghadang muka atau cermin mata keselamatan.



Rajah 3.15: Proses pemotongan besi

### 3.13.2 Proses Mengimpal

Proses mengimpal dengan menggunakan mesin kimpal ‘Metal Inert Gas’ (M.I.G). Kimpalan ialah satu proses untuk mencantumkan sesuatu bahan dengan bahan yang lain dan menggunakan suatu bahan khas. Kadangkala tekanan juga digunakan di samping haba untuk menghasilkan kimpalan tersebut. Proses



kimpalan ini digunakan lebih kemas dari jenis kimpalan yang lain dan jenis kimpalan ini sesuai digunakan bagi penghasilan produk ini.



Rajah 3.16: Proses mengimpal besi

### 3.13.3 Proses Melicinkan Kesan Kimpalan

Proses ini dilakukan selepas proses kimpalan bertujuan untuk melicinkan permukaan produk daripada kesan kimpalan yang tidak kemas dengan menggunakan pencanai iaitu mesin canai. Prinsip keselamatan perlu dipatuhi seperti memakai cermin mata keselamatan. Tujuan utama memakai cermin mata keselamatan adalah untuk mengelakkan sebarang kecelakaan berpunca daripada percikan api yang terhasil sewaktu melakukan proses mencanai.



Rajah 3.17: Proses melicinkan kesan kimpalan

### 3.13.4 Proses Kemasan

Proses kemasan merupakan langkah terakhir dalam penghasilan projek ‘Assembled Sand Screening Filter’. Tujuan kemasan adalah untuk menampakkan projek ini tampak menarik dan kemas semasa pembentangan dilaksanakan. Selain itu juga, proses mengecat dapat mengelakkan projek daripada berlakunya kekaratan pada permukaan besi. Dalam pada itu, proses penyemburan cat hendaklah dilakukan dengan teliti supaya tidak terkena pada bahagian yang tidak diingini.



Rajah 3.18: Proses kemasan

### 3.13.5 Reka Bentuk Yang Telah Diinovasikan

Rajah 3.18 menunjukkan tentang reka bentuk ‘Assembled Sand Screening Filter’ yang telah selesai diinovasikan untuk projek akhir. Rekabentuk ini dapat

mengurangkan kos dan menjimat tenaga elektrik kerana hanya memerlukan tenaga manusia.



Rajah 3.19: Reka bentuk yang telah diinovasikan

### 3.14 Pengumpulan Data

Kaedah kuantitatif telah dipilih untuk pengumpulan data yang dilaksanakan menggunakan kajian soal selidik. Kajian soal selidik akan diedarkan kepada responden secara bersemuka. Kaedah demonstrasi juga digunakan untuk berkomunikasi dengan responden serta menerangkan dengan lebih mendalam tentang projek yang dilakukan dengan menggunakan bantuan visual iaitu carta, *powerpoint* dan poster. Hal ini bertujuan bagi memudahkan responden lebih memahami tentang sesuatu produk dengan lebih mudah.

### **3.14.1 Demonstrasi Produk**

Demonstrasi akan ditunjukkan kepada responden secara lisan. Pengayak tersebut akan digunakan oleh responden untuk menguji kebolehkeraan pengayak tersebut selepas di inovasikan. Data akan diambil selepas responden menguji pengayak tersebut.

### **3.14.2 Soal Selidik**

Soal selidik mengenai pengayak pasir terbahagi kepada dua bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B. Bahagian B mengandungi soalan tentang keselamatan, reka bentuk dan kebolehkeraan.

### **3.14.3 Teknik Persampelan**

Teknik persampelan yang digunakan adalah persampelan rawak mudah (*simple random sampling*). Ia merupakan persampelan di mana setiap item dalam populasi mempunyai peluang dan kemungkinan dipilih dalam sampel. Persampelan rawak mudah adalah jenis persampelan yang sangat asas dan mudah menjadi komponen kaedah persampelan yang lebih kompleks. Sebab utama kaedah pensampelan ini dipilih ialah setiap sampel mempunyai kebarangkalian yang sama dipilih. Dan ia memerlukan saiz populasi yang besar supaya data yang dikumpul dapat disimpulkan dengan cara yang sesuai.

Persampelan ini memerlukan responden daripada kalangan pelajar dan para pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Awam. Tujuan persampelan ini untuk

mendapatkan data berkaitan produk penapis pasir mudah alih yang dihasilkan. Seramai 50 responden akan dipilih secara rawak dan diberi kajian soal selidik bagi mengetahui statistik mengenai penganyak pasir yang sedia ada.

#### **3.14.4 Kaedah Analisis Data**

Data yang dikumpul akan diproses dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif, menggunakan SPSS versi 19.0 dan pada aras signifikan 50%-70%. Statistik yang dikumpul akan dianalisis secara teori bagi mengetahui tentang kehendak responden terhadap penggunaan sesebuah produk. Analisis statistik dianggap paling sesuai kerana selari dengan objektif kajian.

### **3.15 Kesimpulan**

Metodologi projek ini menunjukkan kaedah atau kerangka yang digunakan di dalam penyelesaian projek ini. Kajian metodologi menunjukkan kaedah dan pendekatan yang digunakan seperti kaedah pengumpulan data, model, membuat pemilihan idea, pemilihan kaedah, dan bahan yang terbaik. Selain itu, membuat pengujian pada bahan projek. Seterusnya, kajian metodologi projek ini juga menunjukkan faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan dalam pemilihan sesuatu kaedah atau pendekatan tertentu.

## **BAB 4**

### **DAPATAN DAN ANALISIS DATA**

#### **4.1 Pengenalan**

Analisis projek memberi sokongan data kritikal kepada teknikal dalam penghasilan projek. Analisis projek merupakan parameter untuk membuat laporan untuk melihat kemajuan projek.


Pengumpulan data ialah proses untuk mengumpul dan mendapatkan maklumat mengenai topik tertentu. Berdasarkan kajian yang dijalankan, topik ini akan membincangkan analisa data kajian terhadap Assembled Sand Screening Filter yang telah dijalankan melalui soal selidik terhadap 30 orang responden. Beberapa tinjauan telah dibuat untuk membantu proses pengumpulan data ini. Data yang telah dikumpul akan dianalisis dan ditafsirkan bagi menilai pencapaian objektif kajian.

## 4.2 Demografi Responden

Seramai 30 orang responden telah dipilih untuk melaksanakan kajian soal selidik. Mereka merupakan pelajar dari jabatan Kejuruteraan Awam yang terdiri daripada 73.33% pelajar lelaki dan 26.67% pelajar perempuan. Majoriti responden yang terlibat merupakan pelajar semester 4 dan 5 iaitu sebanyak 73.33% dan selebihnya terdiri daripada pelajar semester 1 hingga 3 iaitu sebanyak 26.67%.

Analisis soal selidik juga menunjukkan sebanyak 50% responden berumur antara 18 hingga 20 tahun dan 50% lagi responden lagi berumur antara 21 hingga 25 tahun. Selain itu, hasil dapatan soal selidik menunjukkan sebanyak dari segi bilangan kelas, sebanyak 6 kelas terlibat sebagai responden kajian. Jadual 4.4 menunjukkan peratus responden berdasarkan agihan kelas.


Bilangan Kekerapan dan peratusan Responden



**Rajah 4.1:** Bilangan kekerapan dan peratusan responden

**Bilangan Kekerapan dan peratusan bagi semester**


SEM 1-3  
SEM 4-5



**Rajah 4.2** Bilangan kekerapan dan peratusan bagi semester

**Bilangan Kekerapan dan Peratusan Umur Responden**


18-20  
20-25





**Rajah 4.3:** Bilangan Kecepatan dan peratusan umur responden

**Bilangan Kecepatan dan peratusan Kelas Responden**



**Rajah 4.4:** Bilangan kekerapan dan peratusan kelas responden

### 4.3 Dapatan kajian

Secara keseluruhannya, perbincangan dapatan kajian ini adalah berdasarkan objektif dan soalan kajian yang ditetapkan. Dapatan kajian ini akan berfokus kepada dua aspek iaitu paparan data dan interpretasi data. Paparan data merupakan hasil proses data mentah daripada maklum balas responden terhadap instrumen soal selidik, manakala interpretasi data pula melibatkan proses memberi makna dan kesignifikanan kepada analisis.

*Tahap Keberkesanan*

Menurut Mohd Majid (1990), statistik deskriptif merupakan organisasi dan ringkasan data yang diperolehi daripada pemerosesan data. Operasinya boleh dalam bentuk jadual, ilustrasi dalam bentuk rajah atau graf tentang data atau maklumat. Skor min yang diperolehi akan diinterpretasikan berdasarkan skala likert empat mata kajian ini menggunakan sumber Riduwan (2012) dalam jadual 1 di bawah.

Jadual 4.1 Interpretasi skor min skala likert empat min

Skor Min	Interpretasi Min
1.00 - 1.50	Kurang
1.51 - 2.50	Rendah
2.51 - 3.50	Sederhana
3.51 - 4.00	Tinggi

#### 4.3.1 Borang soal selidik

Penyelidik menggunakan responden dalam instrumen ujian bertulis ini dengan kumpulan responden dalam instrumen soal selidik, iaitu pelajar daripada Jabatan Kejuruteraan Awam. Bilangan responden yang mengambil bahagian dalam ujian bertulis ini adalah seramai 30 orang yang dipilih secara rawak di foyer Jka. Instrumen ini adalah bertujuan mencapai Objektif projek serta menjawab persoalan keberkesanan ‘*Assembled Sand Screening Filter*’. Dapatan daripada instrumen ini adalah dalam bentuk data kuantitatif yang dianalisis dalam bentuk jadual serta carta bar dengan mengambilkira nilai kekerapan dan peratus. Instrumen ujian bertulis ini meliputi 2 bahagian utama iaitu;

- a) Bahagian A : Data Demografi Responden
- b) Bahagian B : Keberkesanan yang terbahagi kepada 4 bahagian,
  - I) Kebolehkerjaan

II) Reka bentuk

III) Keselamatan

IV) Kebolehpasaran


Dengan menjalankan pentaksiran dua bentuk instrumen ini kepada kumpulan sampel yang mengambil bahagian dalam kajian ini, penyelidik dapat mengumpul data iaitu dalam bentuk kuantitatif serta membuat rumusan terhadap dapatan kajian bertepatan dengan objektif kajian ini. Berikut adalah yang menunjukkan dapatan dari kajian ini selaras dengan objektif kajian yang digariskan.

### **4.3.2 Kebolehkerjaan**

Terdapat 30 orang responden yang terdiri daripada pelajar Jabatan Kejuruteraan Awam yang telah diperolehi melalui kajian soal selidik bagi melengkapkan data kaji selidik ini. Di bawah adalah graf yang memaparkan data yang diperolehi daripada sub bahagian soalan kebolehkerjaan melalui proses *random sampling* yang dilakukan di dalam SPSS.

Carta bar 4.1 menunjukkan keputusan kekerapan bahagian kebolehkerjaan yang terdiri daripada empat soalan. Setiap soalan merujuk kepada fungsi atau keupayaan 'Assembled Sand Screening Filter' semasa proses mengayak pasir. Soalan pertama untuk bahagian kebolehkerjaan ialah, 'Assembled Sand Screening Filter' ini berfungsi dengan baik' menunjukkan 19 responden sangat setuju dan selebihnya bersetuju. Selain itu, soalan 2 ialah 'Boleh menapis pasir tanpa sebarang masalah kerana 'Assembled Sand Screening Filter' mudah untuk dikawal' sebanyak 21 responden telah bersetuju dan selebihnya bersetuju. Seterusnya, 18 responden sangat bersetuju dan selebihnya bersetuju dan terdapat 2 responden yang tidak bersetuju untuk soalan 3 iaitu, 'Assembled Sand Screening Filter' ini dapat menampung kuantiti pasir yang banyak bagi sekali muatan' manakala soalan 4 'Penggunaan 'Assembled Sand Screening Filter' dapat dikendalikan dengan mudah tanpa

memerlukan latihan kursus' seramai 22 responden sangat bersetuju dan selebihnya bersetuju.



**Carta bar 4.1:** Kekerapan bagi bahagian keboleherjaan pengayak pasir '*Assembled Sand Screen Filter*'

**Skor Pernilaian**

Penyataan	Soalan	Sangat Tidak Setuju	Tidak setuju	Setuju	Sangat setuju	Mean	Mode	N
Penyataan 1	'Assembled Sand Screening Filter' ini berfungsi dengan baik.	0	0	11 (36.7)	19 (63.3)	3.63	4	30
Penyataan 2	Boleh menapis pasir tanpa sebarang masalah kerana 'Assembled Sand Screening Filter' mudah untuk dikawal.	0	0	9 (30)	21 (70.0)	3.70	4	30
Penyataan 3	'Assembled Sand Screening Filter' ini dapat menampung kuantiti pasir yang banyak bagi sekali muatan.	0	2 (6.7)	10 (33.3)	18 (60)	3.53	4	30
Penyataan 4	Penggunaan 'Assembled Sand Screening Filter' dapat dikendalikan dengan mudah tanpa	0	0	8 (26.7)	22 (73.3)	3.73	4	30

	memerlukan latihan kursus.							
--	----------------------------	--	--	--	--	--	--	--

**Jadual 4.2** Skor penilaian bagi setiap soalan keboleherjaan.

